

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan tiada masalah catuan air akibat pembocoran paip yang berulang kali di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kejadian paip bocor merupakan isu yang lazim menyumbang kepada gangguan bekalan air di kebanyakan negeri. Memandangkan tanggungjawab perkhidmatan bekalan air adalah di bawah kerajaan negeri, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengesyorkan supaya Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) merancang secara strategik dalam menangani isu kebocoran paip yang berulang secara cekap dan efektif. Isu operasi dan penyelenggaraan sistem bekalan air perlu diberi perhatian dan diselesaikan oleh JANS.

2. Misalnya, Projek Pembinaan Loji Air dan Pemasangan Rangkaian Paip di Daerah Beaufort, Sabah yang dimulakan pembinaan pada 8 Mei 2013 dengan kos projek sebanyak RM226 juta telah pun siap sepenuhnya pada 22 Ogos 2017. Namun begitu, masalah bekalan air masih tidak dapat diatasi sepenuhnya kerana beberapa isu operasi dan penyelenggaraan seperti kadar kebocoran paip (NRW) yang terlalu tinggi di daerah Beaufort sehingga mencecah 60% telah menyebabkan bekalan air tidak sampai ke pengguna.

Sekian. Terima kasih.